



Kerjasama Dua Hala KPPK-UPM Mantapkan R&D



Menteri KPPK, Tan Sri Bernard Dompok turut melancarkan buku pada sesi lawatannya sambil diperhatikan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha (tengah belakang), Ketua Setiausaha KPPK, Datuk Wira Ismail Salleh (kiri) dan Pengarah INTROP, Prof. Madya Faridah Tahir.

SERDANG, 6 April – Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalinkan kerjasama bagi mempertingkatkan pembangunan penyelidikan (R&D) serta pembangunan modal insan.

Kerjasama itu selaras dengan aspirasi kerajaan menerapkan budaya penyelidikan dan inovasi bagi pembangunan negara dengan menggunakan pendekatan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C) dalam kesemua projek penyelidikan bersama.

Menteri KPPK, Tan Sri Bernard Dompok berkata dialog kerjasama antara KPPK dan UPM merupakan kali kelima diadakan bertujuan sebagai susulan maklum balas yang diterima daripada penyelidik yang terlibat dengan penyelidikan dalam kerjasama dua hala itu.

“Sesi dialog ini membincangkan isu-isu yang timbul hasil daripada penyelidikan yang sedang atau telah dijalankan termasuk dari segi permasalahan yang wujud, pencapaian yang tidak memuaskan dan kelancaran projek penyelidikan,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Dialog Kelima Kerjasama Dua Hala KPPK-UPM di sini.

Beliau berkata banyak produk penyelidikan berpotensi untuk dikomersilkan seperti kertas tulis dan cetakan daripada kenaf, papan lapis bermutu tinggi daripada batang kelapa sawit, jentera penuai batang kenaf, bio-minyak kenaf untuk anti-kanser usus dan mesin pemecah buah koko.



Datuk Naib Canselor UPM (kanan) ketika menerangkan laporan kepada Menteri KPPK (tengah) pada sesi dialog di UPM.

Selain itu, Tan Sri Bernard berharap agar pihak swasta merebut peluang yang ada dengan mempromosikan produk-produk penyelidikan yang dihasilkan oleh penyelidik tempatan terutamanya produk-produk baru.

“Produk-produk baru mengambil masa yang lama untuk mendapat tempat dalam pasaran tempatan ataupun antarabangsa, justeru pihak swasta harus memainkan peranan memasarkan produk ini,” katanya.

Beliau berpendapat potensi UPM sebagai universiti penyelidikan dapat membantu usaha-usaha pengkomersilan kerana universiti itu pelopor dalam bidang pertanian selain sentiasa ke hadapan dalam pengkomersilan produk penyelidikan pertanian.

Kerjasama dua hala itu telah melatih seramai 35 pelajar siswazah, iaitu 12 pelajar PhD dan 16 pelajar Master yang ditaja oleh agensi-agensi di bawah KPPK.



Pengarah INTROP UPM, Prof. Madya Dr. Faridah Tahir (kiri) memberikan penerangan kepada Menteri KPPK.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Ili Syazwani Zahimi 03-89466013).